



PENGGUNAAN teknologi dapat meningkatkan produktiviti sektor pertanian dalam skala yang besar.

AGRO

Oleh **Muhammad Saufi Hassan**
saufi@mediaprima.com.my

AGROMAKANAN PERLU TERUS DIPERKASA

Sumbangan kepada sektor pertanian sejumlah 53.3 peratus pada 2020 masih rendah di bawah sasaran 60 peratus

UNTUK beberapa bahan makanan, negara masih bergantung kepada bahan import pertanian dari luar negara.



SEKTOR pertanian negara perlu melalui perubahan teknologi untuk memberikan hasil yang lebih tinggi.



Kadar inflasi di peringkat global yang meningkat secara tidak langsung memberikan kesan kepada negara ini yang kini berdepan kenaikan inflasi.

Fenomena ini yang turut dialami kebanyakan negara dilihat antara impak pasca pandemik Covid-19 apabila berlakunya permintaan mendadak selepas ekonomi dibuka semula.

Isu inflasi dan rancangan rantai bekalan dunia mendatangkan satu cabaran yang hebat kepada tadbir urus negara dalam menyelesaikan isu kewangan dan memelihara kesejahteraan serta kebajikan rakyat.

Keupayaan sektor agromakanan bagi membekalkan makanan dan kemampuan rakyat untuk membeli makanan adalah isu paling penting bagi mengurangkan kos sara hidup yang tinggi.

Ketua Laboratori Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Abdul Rahim Abdul Samad dalam satu laporan menyatakan walaupun pelbagai strategi dijalankan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian dan agromakanan bagi memastikan kecukupan bekalan, sumbangan subsektor agromakanan

kepada sektor pertanian sejumlah 53.3 peratus pada tahun 2020, masih rendah di bawah sasaran 60 peratus.

Beliau berkata, sektor pertanian masih bergantung kepada minyak sawit.

"Biarpun banyak idea dan program dicadangkan, kerajaan perlu memberikan penekanan khusus terhadap komitmen berkaitan sektor pertanian.

"Sasaran yang lebih utama ialah mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara kerana ia berkaitan rapat dengan masalah kos sara hidup rakyat.

"Menerusi Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 07 Oktober 2022 menyaksikan komitmen kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi pasca

pandemik Covid-19 dengan mengutamakan aspek kebajikan dan kepentingan rakyat secara keseluruhan," katanya.

Menurutnya, melalui bajet ini, kerajaan meletakkan perhatian yang serius kepada pemerkasaan sektor pertanian bagi membasmi kemiskinan, melindungi petani dan nelayan, meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan menangani isu sekuriti makanan di Malaysia.

"Belanjawan 2023 menunjukkan refleksi terhadap program yang direncanakan mengikut Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Bagi meningkatkan penghasilan makanan, tanah terbiar milik Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Felcra dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) serta agensi bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (Mafi) akan dimanfaatkan untuk tanaman makanan bagi penggunaan tanah yang optimum," katanya.

Beliau berkata, pemerkasaan sektor pertanian terutama sektor agromakanan sememangnya penting bagi mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara dan kos sara hidup rakyat, memastikan negara kekal berdaya saing dan pengaplikasian teknologi terkini bagi membantu aktiviti pertanian.

Menurutnya, ia penting bagi sektor pertanian menekankan aspek kelestarian dan memberi manfaat yang seimbang kepada semua termasuk kepada ekosistem dan biodiversiti.

Katanya, langkah ini penting bagi menjamin produktiviti pertanian dan dapat mengurangkan perbelanjaan berbilion ringgit daripada hasil pertanian yang diimport.

"Namun, isu lain yang tidak kurang penting adalah isu tanah pertanian terbiar dan kekurangan pengeluaran pertanian.

"Kerajaan perlu mewujudkan satu mekanisme bagi memajukan tanah pertanian terbiar dan mengurangkan saiz tanah terbiar bagi sektor pertanian.

"Dengan itu, krisis harga bekalan bahan makanan khususnya harga barangan dari negara pengimport dapat dielakkan dengan pengurangan kebergatungan kepada bekalan bahan makanan yang diimport," katanya.